



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

INFO@MAFI



TAHNIAH YB TUAN HAJI MOHAMAD SABU

DILANTIK SEBAGAI

MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



YB TUAN HAJI MOHAMAD SABU DILANTIK SEBAGAI MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Tuan Haji Mohamad Sabu telah memulakan tugasnya secara rasmi selepas sesi mengimbas kad perakam waktu di Wisma Tani, Putrajaya, pada 5 Disember yang lalu.

Kehadiran YB Menteri MAFS telah disambut oleh Ketua Setiausaha MAFS, Dato' Haslina Abdul Hamid bersama-sama dengan barisan kepimpinan tertinggi Kementerian serta Ketua-ketua Pengarah, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian.

Sejurus selepas itu, YB Menteri telah diberikan taklimat berkaitan kementerian oleh Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik.

YB Menteri telah dilantik sebagai Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam senarai anggota Kabinet Kerajaan Perpaduan setelah memenangi kerusi Pilihan Raya Umum ke-15 yang lalu.

Pelantikan YB amat dialu-alukan sebagai satu pasukan kepimpinan baharu yang akan mengemudi sektor pertanian dan industri makanan dengan lebih baik serta memberi manfaat kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat, terutamanya golongan sasaran.



LAWATAN PENANDAARASAN BANDAR PINTAR SMART CITY

KANGAR, PERLIS | 1 DISEMBER 2022



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan rasmi daripada Ahli Majlis Perbandaran Kangar, Perlis yang diketuai oleh Encik Norkhiriri Hasan selaku wakil Ahli Majlis beserta 30 orang delegasi.

Sesi taklimat telah dipengerusikan oleh Dato' Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFS bersempena lawatan penandaarasan bandar pintar (*Smart City*). Ia memberi tumpuan kepada pelaksanaan Program Pemodenan

Pertanian yang dapat memberi idea baharu bagi menangani isu bekalan makanan dengan cara yang praktikal dan berkesan.

Penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam inisiatif ini amat bertepatan sebagai pendedahan kepada pihak MPK dalam perancangan Bandar Pintar dan penyediaan rangka Pelan Tindakan (*Smart City Framework*) sekaligus membantu agenda MAFS dalam memastikan kelangsungan sekuriti bekalan makanan negara terjamin.

SAMBUTAN HARI INTEGRITI LPP

MENARA LPP | 1 DISEMBER 2022

Sambutan Hari Integriti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi tahun 2022 bertema, 'Cegah Sebelum Parah' telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Haslina Abdul Hamid.

Forum Integriti telah disampaikan oleh Encik Kamal Affandi Hashim (Penganalisis Jenayah), Puan Nirmala M. Supramaniam (Ketua Jabatan Pendidikan Kewangan Isi Rumah, AKPK) dan Encik Mohd Afendi Zakaria (Presiden, Majlis AKRAB Kebangsaan).

Selain forum, terdapat juga pameran-pameran Rakan Strategik LPP dari pelbagai agensi kerajaan seperti Pejabat Kesihatan, Tabung Haji, Agrobank, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).



KEMASUKAN TELUR AYAM IMPORT DARI INDIA

KLIA, SEPANG | 16 DISEMBER 2022



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) telah membawa masuk telur ayam dari negara luar untuk menampung kekurangan bekalan telur yang sedang dihadapi oleh negara sejak beberapa bulan yang lalu.

Kementerian telah membenarkan kemasukan telur ayam dari negara India melalui laluan udara sebagai fasa percubaan bagi memastikan telur ayam yang diimport menepati segala piawaian yang ditetapkan.

Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah melaksanakan kawalan kemasukan telur ayam import di pintu masuk secara ujian *Hold, Test and Release* (HTR), yang merangkumi ujian PCR untuk pengesanan bakteria *Salmonella*, virus Newcastle Disease dan Avian Influenza.



Pemeriksaan dan pengujian yang dijalankan adalah bagi memastikan rakyat menerima telur ayam import yang selamat, bersih, halal dan bebas dari segala penyakit di samping melindungi industri penternakan negara. Segala protokol dan tatacara yang ditetapkan oleh Kerajaan juga telah dipatuhi tanpa kompromi.

Hasil ujian yang dilaksanakan oleh MAQIS dan DVS mendapati telur ayam yang diimport bebas daripada segala penyakit, selamat dan mematuhi segala piawaian yang ditetapkan bagi kegunaan pasaran negara.

Sehubungan itu, Kementerian bersetuju memberikan kebenaran sementara kemasukan telur ayam daripada sumber luar dan kebenaran ini akan dikaji semula apabila bekalan telur dalam negara kembali stabil.

Inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar bukanlah untuk menekan pengusaha industri telur ayam tempatan, sebaliknya bagi memastikan kecukupan bekalan telur ayam dalam negara dengan harga yang kompetitif selaras dengan hasrat Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mengutamakan kebajikan rakyat.

PERTEMUAN YB MENTERI MAFS BERSAMA YB MENTERI KPDN

WISMA TANI, PUTRAJAYA | 13 DISEMBER 2022



Sebagai kementerian utama dalam memastikan keterjaminan makanan negara, MAFS dan KPDN berperanan penting memastikan aspek ketersediaan, akses, kestabilan dan kemampuan terhadap bekalan makanan sentiasa terjamin.

Pada pertemuan ini, pelbagai perkara telah dibincangkan di peringkat dasar melibatkan isu dua hala berkaitan keterjaminan makanan dan kos sara hidup.

MAFS dan KPDN akan sentiasa berusaha untuk mencari penyelesaian terbaik berkaitan pelbagai isu terutamanya bekalan makanan dalam pasaran domestik selain mengadakan sesi libat urus bersama industri.

Industri ternakan merupakan satu-satunya industri komoditi makanan utama yang telah matang dan mencapai tahap sara diri (SSR) melebihi 100% sejak sekian lama.

Sebarang gangguan dan kekurangan bekalan perlu ditampung segera melalui intervensi Kerajaan bagi menstabilkan bekalan.

Dalam usaha menangani pelbagai isu keterjaminan makanan dan kos sara hidup, pendekatan serta solusi yang holistik perlu dilaksanakan melalui kerjasama dan sinergi dua hala bagi mencari penyelesaian terbaik untuk memastikan kelangsungan komoditi makanan sentiasa mencukupi di pasaran.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YB Chan Foong Hin, Timbalan Menteri MAFS, YB Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri KPDN, Dato' Haslina binti Abdul Hamid, KSU MAFS dan Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU KPDN serta pegawai-pegawai tinggi kedua-dua kementerian.

SESI TAKLIMAT YB TIMBALAN MENTERI BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI MAFS

WISMA TANI, PUTRAJAYA | 12 DISEMBER 2022

YB Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah hadir memulakan tugas di Wisma Tani, Putrajaya, 12 Disember lalu.

Beliau disambut oleh Datuk Badrul Hisham Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) dan Puan Azah Hanim Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) sebelum diperkenalkan kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian.

YB Timbalan Menteri juga telah melapor diri kepada YB Tuan Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Seterusnya, YB Timbalan Menteri telah mengadakan satu taklimat ringkas bersama semua Pengurusan Tertinggi Kementerian.



LAWATAN KE LADANG AYAM PEDAGING RASA (LEONG HUP)

BATANG KALI | 10 DISEMBER 2022

YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan lawatan kerja ke Ladang Ayam Pedaging Rasa di Batang Kali dan Ladang Ayam Penelur Selasih Aman, Kalumpang bagi meninjau sendiri proses penternakan ayam dan penghasilan telur di ladang berkenaan. Kementerian sentiasa cakna dalam isu bekalan telur ayam, selain mengadakan perbincangan bersama-sama pihak pemain industri bagi memastikan bekalan sentiasa terjamin dan mencukupi.

Hadir sama dalam lawatan itu, Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFS, Puan Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (DVS), dan Setiausaha Bahagian Sekuriti Makanan, Encik Mazlan bin Othman.



MESYUARAT KERJASAMA STRATEGIK ANTARA KPDN DAN MAFS

PUTRAJAYA | 9 DISEMBER 2022

Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPDN dan Dato' Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFS telah mempengerusikan Mesyuarat Kerjasama Strategik antara KPDN dan MAFS.

Mesyuarat ini membincangkan isu-isu yang menjadi kekusaran pengguna seperti keberadaan bekalan serta kenaikan harga makanan yang secara langsung meningkatkan kos sara hidup rakyat.

Strategi baru serta langkah ke hadapan yang lebih relevan hasil daripada perbincangan mesyuarat ini akan dibawa ke Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).



LENSA MAFS



Wisma Tani, Putrajaya | 8 Disember 2022
Kunjungan Hormat Pengerusi Lembaga Pengarah NEKMAT ke atas YB Menteri MAFS



Pullman Hotel, Kuala Lumpur | 9 Disember 2022
Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Antara Takaful Malaysia Dan Agrobank



Kalumpang, Selangor | 10 Disember 2022
Lawatan Ke Ladang Ayam Penelus Selasih Aman



Wisma Tani, Putrajaya | 12 Disember 2022
Sesi Taklimat YB Menteri Bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan Pertanian Malaysia



Jabatan Perikanan, Putrajaya | 14 Disember 2022
Majlis Penyampaian Watikah Profesor Adjung kepada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia oleh Universiti Malaysia Terengganu



Wisma Tani, Putrajaya | 15 Disember 2022
Taklimat Industri Padi dan Beras kepada YB Menteri dan YB Timbalan Menteri oleh Bahagian Pembangunan Industri Padi



Ibu Pejabat FAMA | 23 Disember 2022
Majlis Pelepasan Pengedaran Kit Makanan Monsun Timur Laut Bagi Tahun 2022



Ibu Pejabat FAMA | 23 Disember 2022
Sesi Pelancaran Pelan Analisis Komprehensif Antirasuah (PAKAR) FAMA 2023-2027



Besut Terengganu | 20 Disember 2022
Lawatan Timbalan KSU (Pembangunan) MAFS ke Empangan Paya Peda & Ampangan Jajar Usai



Taman Melawati, Selangor | 3 Disember 2022
Majlis Pelancaran Jualan Mega Peladang Outlet (JPO) Tapak Parkir Melawati Mall



Drone Academy Asia | 20 Disember 2022
Pembelajaran Penggunaan Dron Pertanian melalui BPKLP



Pasir Gudang, Johor | 2-4 Disember 2022
Jelajah Agrotourism dan Agroyouth

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:

YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN
MAKANAN

KETUA EDITOR:

MOHAMMAD EZRI BIN SHAMSUDDIN

EDITOR:

SALMAH BINTI RAMLI

NURIL MUTMAINNAH ROSLAN

PENULIS:

SARI NOR AMRIYAH

SAIYASWARY A/P SURNARAYANA

GRAFIK:

SURAIYA HANI BINTI ZAMARI

NABILLAH ZAMRI

JURU FOTO:

MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR

KHAIRUL ANWAR

IDEA, KONSEP & TERBITAN:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, MAFS